

## **NOTA PERCAKAPAN**

**KETUA PENGARAH, BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**

**SESI LIBAT URUS MENGENAI STATUS SEMASA ISU TUNTUTAN  
PIHAK MENDAKWA WARIS SULTAN SULU BERSAMA AHLI  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH**

**5 MEI 2023 (JUMAAT), 9:00 PAGI,  
HIBISCUS GARDEN, PACIFIC SUTERA HOTEL, SUTERA HARBOUR**

1. Sesi libat urus kali ini ialah lanjutan daripada pertemuan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) bersama-sama ADUN Sabah yang telah diadakan sebelum ini pada 1 Mac 2023.
2. Tuntutan warga Filipina yang mengaku sebagai waris Sultan Jamalul Kiram II, masih sedang berlangsung di Sepanyol, Belanda, Luxembourg dan Perancis. Ini berkaitan awad kepada Penuntut tersebut yang telah diputuskan penimbang tara antarabangsa Dr. Gonzalo Stampa yang berjumlah hampir USD15 bilion (RM63 bilion).
3. Walaupun Mahkamah Sepanyol telah membatalkan pelantikan Dr. Stampa pada 29 Jun 2021, namun Penuntut masih meneruskan prosiding timbang tara di Perancis dan berjaya mendapatkan suatu Perintah Penguatkuasaan (*Exequatur Order*) dari Mahkamah Perancis pada 29 September 2021. Dr. Stampa telah mengeluarkan Final Award di Perancis pada 28 Februari 2022. Sekiranya Malaysia ingkar untuk membayar *Final Award* tersebut, Penuntut boleh menguatkuasakan *Final Award* tersebut di mana-mana 171 buah negara anggota *New York Convention* dan merampas aset yang

dimiliki oleh Kerajaan Malaysia di negara anggota New York Convention.

4. Malaysia kini sedang bertindak untuk membatalkan *Exequatur Order* dan juga *Final Award* di Perancis, Belanda dan Luxembourg. Ini ialah tindakan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan Malaysia. Pelbagai strategi telah dirangka dan kita juga telah mengenal pasti pihak yang membiayai Penuntut ini. Maklumat yang diterima menunjukkan ada kaitan dengan pihak-pihak di negara asing yang berhasrat untuk mengganggu gugat kestabilan Malaysia.
5. YB Menteri dan YB Menteri Luar Negeri serta YB Menteri Komunikasi dan Digital telah melancarkan laman web malaysiasulucase.gov.my bagi menyediakan fakta dan laporan yang tepat. Ini bertujuan menangkis laporan palsu atau laporan yang dipesongkan sehingga menjasaskan imej Malaysia.
6. Penerangan kepada rakyat sedang dilaksanakan khususnya di Sabah memandangkan kes ini paling mengesankan rakyat Sabah akibat pencerobohan di Lahad Datu yang didalangi penyokong-penyokong Penuntut sulu ini. Selain daripada dokumentari yang telah disiarkan di RTM, Program Taklimat Isu Khas bersama rakyat telah dijadualkan untuk diadakan di peringkat kawasan DUN dan diselaraskan oleh KKD dan Kerajaan Sabah. Terima kasih kepada ADUN dan pimpinan kawasan yang terlibat, dan semoga program taklimat tersebut akan dapat memberikan penjelasan yang tepat kepada rakyat.

7. Salah seorang Penuntut ialah dalang yang menyebabkan pencerobohan Lahad Datu, maka Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengklasifikasikan Fuad A. Kiram, yang merupakan salah seorang pengasas kumpulan pengganas *Royal Sulu Force* dan juga salah seorang Penuntut, sebagai pengganas di bawah Seksyen 66B AMLATPUAA 2001 berkuat kuasa 6 April 2023 melalui P.U.(A) 112 / 2023.
  
8. Mengambil maklum kebimbangan pimpinan dan rakyat Sabah bahawa mungkin terdapat pihak di Sabah yang menjadi tali barut kepada Penuntut dan kumpulan pengganas *Royal Sulu Force*, maka mengklasifikasikan Fuad A. Kiram itu akan menyebabkan sesiapa yang membantu atau bersubahat dengannya akan boleh dikenakan tindakan yang keras.
  
9. Kerajaan akan terus mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara daripada sebarang ancaman sama ada berbentuk serangan bersenjata atau yang mempergunakan tindakan perundungan atau komersil. Usaha Kerajaan ini akan dapat diperkuatkan dengan penglibatan pelbagai pihak khususnya pimpinan negeri Sabah.
  
10. Penganas dan Penuntut ini menggunakan alasan menuntut sebahagian wilayah Sabah yang telah diserahkan untuk selama-lamanya oleh Kesultanan Sulu pada tahun 1878 dahulu sebagai motif tindakan mereka kini.
  
11. Oleh itu, sesi libat urus pada hari ini diharapkan dapat memaklumkan status semasa kes tuntutan yang sedang berjalan di negara-negara di Eropah, malah memberikan peluang untuk mendapatkan input dan

cadangan daripada pimpinan dan rakyat Sabah bagi memperkuatkan dan memperkasakan tindakan yang sedang dan bakal diambil terhadap Penuntut serta pembiaya mereka.

12. Terima kasih kepada semua ADUN yang dapat hadir ke sesi taklimat ini walaupun jemputan diberikan dalam tempoh yang singkat serta masih dalam suasana Aidil Fitri, dan diikuti cuti Hari Pekerja dan Hari Wesak.